

Soalan Lazim Perbankan Internet myBSN

1.0 Pengenalan

- 1) Perlukah saya membuka akaun baharu untuk membuat pendaftaran Perbankan Internet?
 - Tidak perlu. Anda boleh gunakan akaun dan nombor kad ATM yang sedia ada
- 2) Bolehkah saya buka akaun secara dalam talian?
 - Pembukaan akaun secara dalam talian belum tersedia buat masa ini, namun ia merupakan sebahagian daripada pelan pelaksanaan kami yang akan datang.
- 3) Bilakah saya boleh mula menggunakan perkhidmatan ini?
 - Anda boleh mula menggunakan perkhidmatan ini selepas berjaya mendaftar dan mengikat peranti anda melalui Perbankan Mudah Alih myBSN, serta mengaktifkan BSNSecure dengan menghubungi Pusat Perhubungan BSN atau mengunjungi cawangan BSN yang terdekat. Pengaktifan akan berkuat kuasa selepas tempoh bertenang selama 12 jam.
- 4) Saya tidak memiliki akaun dengan myBSN bolehkah saya menggunakan perkhidmatan ini?
 - Untuk menggunakan perkhidmatan dalam talian melalui myBSN Perbankan Internet, anda perlu mempunyai Akaun Simpanan BSN dengan kad ATM, atau Kad Kredit BSN, serta telah mendaftar dengan MyBSN.
- 5) Bolehkah saya mendaftar BSNSecure menggunakan nombor telefon luar negara?
 - Pendaftaran BSNSecure menggunakan nombor telefon luar negara belum tersedia buat masa ini.
- 6) Perlukah saya membuat pendaftaran semula dengan myBSN selepas kad ATM saya diganti baru (disebabkan kecurian, kehilangan, dll)?
 - Tidak, pendaftaran semula tidak diperlukan. Setelah anda berjaya mendaftar dengan myBSN, akaun anda akan kekal aktif walaupun kad ATM anda diganti. Anda hanya perlu kunjungi Cawangan BSN berdekatan bagi menggantikan kad ATM yang Baharu dan caj sebanyak RM15 akan dikenakan.
- 7) Bolehkah saya gunakan Nama Pengguna sebagai Kata Laluan?
 - Sebagai langkah keselamatan, adalah dinasihatkan untuk tidak menggunakan kata laluan yang sama dengan nama pengguna anda. Sentiasa gunakan kata laluan yang berbeza dan selamat.
- 8) Jika saya lupa Kata Laluan, bagaimana boleh saya memohon Kata Laluan baharu?
 - Anda cuma perlu klik butang *Forgot Password* dan masukkan butiran kad.
- 9) Bolehkah saya tukar Kata Laluan saya?
 - Boleh. Anda hanya perlu log masuk ke myBSN Perbankan Internet dan klik pada tab '*Profile Management*', kemudian pilih '*Change Password*'. Anda perlu

membuat pengesahan melalui BSNSecure di Perbankan Mudah Alih myBSN dan memasukkan butiran kad ATM anda untuk melengkapkan proses.

10) Apa langkah keselamatan perlu saya ambil untuk melindungi nombor PIN dan kata laluan saya?

- Jangan log masuk Perbankan Internet myBSN melalui sebarang pautan dalam emel, adalah lebih selamat sekiranya anda menaip alamat URL rasmi, www.mybsn.com.my untuk mengakses laman tersebut. Ketahui lebih lanjut tentang keselamatan dalam talian di halaman [Panduan Keselamatan](#).

11) Jika ada masalah untuk log masuk, apa perlu saya buat?

- Sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian [+603-2613 1900](tel:+603-26131900). Kami sedia membantu anda 24 jam sehari.

12) Apa perlu saya buat jika terlupa Nama Pengguna?

- Sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian [+603-2613 1900](tel:+603-26131900). Kami sedia membantu anda 24 jam sehari.

13) Adakah dikenakan bayaran menggunakan myBSN?

- Tiada sebarang caj dikenakan untuk menggunakan Perbankan Internet myBSN. Kami komited untuk menjadikan urusan perbankan anda lebih mudah dan selesa.

14) Mengapakah baki akaun Perbankan Internet myBSN memaparkan 'NA'?

- Jika baki akaun anda terpapar sebagai 'NA', kemungkinan sistem Perbankan Internet myBSN sedang mengalami gangguan teknikal sementara.

15) Apa yang perlu dilakukan sekiranya baki akaun Perbankan Internet myBSN memaparkan 'NA'?

- Baki akaun simpanan anda tidak terjejas. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh gangguan sistem sementara. Sila semak semula kemudian. Jika masalah berterusan, sila hubungi Pusat Perhubungan BSN kami.

2.0 Pemindahan Dana (*Fund Transfer*)

1) Apakah itu Pemindahan Dana?

- Pemindahan Dana ialah proses memindahkan wang dari satu akaun bank ke akaun bank lain, sama ada dalam bank yang sama atau antara bank yang berbeza.

2) Bolehkah saya membuat Pembayaran Terbuka atau Pemindahan Dana Terbuka?

- Ya.

3) Apakah had maksimum transaksi harian dan caj bagi setiap transaksi?

- Had dan caj bagi setiap transaksi adalah seperti dalam jadual di bawah:

No.	Jenis-jenis Transaksi	Caj	Had Maksimum (Mulai 15 Jun 2025)
1	Interbank Giro (IBG)	RM0.10 setiap transaksi	Had transaksi gabungan RM50,000
2	DuitNow Transfer	RM0.50 untuk jumlah transaksi RM5,000 dan ke atas	
3	DuitNow QR Transfer		
4	DuitNow Request-To-Pay (RTP) – Approve		
5	Third Party Transfer (BSN kepada BSN)	RM0.00	RM50,000

- 4) Bagaimana saya boleh semak Rekod Pemindahan Dana saya?
 - Selepas log masuk ke Perbankan Internet myBSN, pergi ke 'Account Overview' dan pilih akaun pilihan anda. Kemudian, klik 'View myBSN Transaction History'. Anda boleh melihat bayaran yang telah dibuat dalam tempoh 60 hari yang lepas.
- 5) Bolehkah saya buat pemindahan dana ke bank lain?
 - Ya. Anda boleh memindahkan dana ke bank lain menggunakan perkhidmatan Interbank GIRO (IBG), DuitNow Transfer, DuitNow QR Transfer, DuitNow dan Request-To-Pay (Approve) melalui Perbankan Internet myBSN.
- 6) Berapa lama masa yang diambil untuk pemindahan dana ke akaun bank lain?
 - Dengan perkhidmatan DuitNow, dana akan dipindahkan serta-merta ke akaun penerima di bank lain. Namun begitu, pemulangan dana melalui Interbank GIRO (IBG) adalah tertakluk kepada tempoh pemprosesan seperti yang dinyatakan di sini: <https://www.bsn.com.my/page/interbank-giro>

3.0 Pembayaran Bil

- 1) Apakah Pembayaran Bil?
 - Pembayaran Bil ialah kemudahan pembayaran yang membolehkan anda membayar bil kepada badan-badan penerima yang tersenarai melalui Perbankan Internet myBSN.
- 2) Di mana boleh saya lihat transaksi pembayaran?
 - Selepas log masuk ke Perbankan Internet myBSN, pergi ke 'Account Overview' dan pilih akaun pilihan anda. Kemudian, klik 'View myBSN Transaction History'. Anda boleh melihat bayaran yang telah dibuat dalam tempoh 60 hari yang lepas.
- 3) Apa akan terjadi jika tidak cukup dana dalam akaun saya?
 - Jika anda buat pembayaran segera, anda akan lihat mesej 'Unsuccessful' dan kod ditolak.
- 4) Adakah saya perlu bayar caj perkhidmatan setiap kali saya membayar bil?
 - Perkhidmatan Pembayaran Bil kami adalah percuma.
- 5) Apakah had maksimum harian untuk transaksi Bayaran Bil melalui myBSN?
 - Had maksimum harian untuk transaksi Pembayaran Bil ialah RM3,000.00.

4.0 Kad Kredit


- 1) Bolehkah saya buat bayaran kad kredit bank lain?
 - Pada masa ini, anda hanya boleh buat bayaran untuk Kad Kredit BSN sahaja. Walau bagaimanapun, anda boleh membuat bayaran untuk kad kredit bank lain melalui perkhidmatan Interbank GIRO (IBG) (Lihat Pemindahan Dana di atas).
- 2) Adakah saya dikenakan caj apabila membayar kad kredit secara online?
 - Tiada sebarang caj dikenakan untuk pembayaran Kad Kredit BSN secara dalam talian. Kami komited untuk menjadikan urusan perbankan anda mudah dan selesai.
- 3) Bagaimana saya boleh menyemak Sejarah Transaksi Kad Kredit saya?
 - Anda boleh menyemak Sejarah Transaksi Kad Kredit BSN anda melalui Perbankan Internet myBSN.
- 4) Apakah had maksimum harian untuk transaksi Pembayaran Kad Kredit Pihak Ketiga melalui myBSN?
 - Had maksimum harian untuk transaksi Pembayaran Kad Kredit Pihak Ketiga ialah RM10,000.

5.0 Pembelian PIN

- 1) Bolehkah saya membeli PIN untuk orang lain?
 - Ya, boleh. Anda hanya perlu masukkan nombor kad pengenalan pelajar/calon tersebut.

6.0 Pembelian SSP

- 1) Jika saya tidak mempunyai akaun dengan BSN, bolehkah saya membeli SSP secara dalam talian?
 - SSP BSN direka khas untuk pelanggan BSN sahaja. Anda perlu mempunyai kad ATM BSN yang sah dan mendaftar sebagai pengguna Perbankan Internet myBSN sebelum anda boleh membeli SSP secara dalam talian.
- 2) Bagaimana saya akan menerima Sijil SSP jika saya beli secara dalam talian?
 - Salinan fizikal Sijil SSP tidak akan dikeluarkan bagi pembelian secara dalam talian. Sila pastikan alamat surat-menyurat anda adalah tepat sebelum meneruskan pembelian SSP. Jika alamat anda belum dikemas kini, anda perlu mengunjungi cawangan BSN terdekat untuk mengemas kini alamat anda sebelum membuat pembelian.



- 3) Apakah had maksimum harian untuk transaksi Pembelian SSP melalui myBSN?
- Tiada had untuk pembelian SSP melalui Perbankan Internet myBSN. Anda boleh membeli sebanyak mana yang anda mahu!

7.0 Had Transaksi

- 1) Mengapa terdapat *cooling-off period* apabila saya meningkatkan had transaksi saya?
 - Atas sebab keselamatan, *cooling-off period* ini dilaksanakan untuk melindungi akaun anda daripada sebarang perubahan tidak sah atau aktiviti penipuan.
- 2) Adakah saya masih boleh menggunakan Perbankan Internet myBSN semasa *cooling-off period*?
 - Ya, anda hanya boleh menjalankan urusan perbankan seperti biasa, termasuk semakan baki, pemindahan dana dan pembayaran bil.
- 3) Apa yang akan berlaku semasa *cooling-off period* jika saya meningkatkan had transaksi saya kepada had yang baharu?
 - Had transaksi yang baharu yang belum diaktifkan akan melalui 12 jam *cooling-off period*. Anda perlu menunggu waktu *cooling-off period* yang baharu tamat untuk melakukan transaksi yang melebihi amaun had transaksi yang anda tetapkan.
- 4) Adakah *cooling-off period* ini terpakai untuk Perbankan Internet myBSN ?
 - Ya, *cooling-off period* selama 12-jam terpakai untuk kedua-dua saluran Perbankan Internet myBSN apabila anda meningkatkan had transaksi.
- 5) Adakah setiap perubahan had transaksi memerlukan *cooling-off period* 12 jam?
 - Ya, pada masa ini, sebarang perubahan had transaksi untuk Pemindahan Dana akan tertakluk kepada tempoh bertenang (*cooling-off*) selama 12 jam sebelum ia berkuat kuasa.
- 6) Berapakah had bagi setiap jenis transaksi dalam Perbankan Internet myBSN?
 - Sila rujuk rajah dibawah:

Bil.	Jenis-jenis Transaksi	Had Maksimum (RM)
1)	InterBank Giro (IBG)	Had transaksi gabungan 50,000
2)	DuitNow Transfer	
3)	DuitNow QR Transfer	
4)	DuitNow Request-To-Pay - Approve	

5)	DuitNow QR Payment	50,000.00
6)	DuitNow DOBW	50,000.00
7)	3rd Party Fund Transfer	50,000.00
8)	3rd Party Credit Card Payment	10,000.00
9)	3rd Party Financing Payment	10,000.00
10)	Bill Payment	10,000.00
11)	FPX Payment	30,000.00
12)	eGold Purchase	50,000.00
13)	eGold Sell	50,000.00

- 7) Apakah itu had transaksi gabungan?
- Had transaksi gabungan ialah kawalan keselamatan tambahan yang menetapkan jumlah maksimum keseluruhan yang boleh anda lakukan dalam satu hari bagi beberapa modul terpilih. Had ini adalah berasingan daripada had transaksi individu setiap modul.
- 8) Bagaimanakah had transaksi gabungan berfungsi?
- Had transaksi gabungan berfungsi sebagai had keseluruhan. Walaupun masih ada baki had di bawah setiap modul individu, jumlah keseluruhan transaksi merentasi semua modul tidak boleh melebihi had harian gabungan yang telah ditetapkan.
- 9) Transaksi manakah yang termasuk dalam had transaksi gabungan?
- Had transaksi gabungan terpakai untuk transaksi yang berisiko tinggi atau bernilai tinggi, seperti berikut:
 - a. Interbank Giro (IBG)
 - b. Pemindahan DuitNow
 - c. DuitNow QR Orang-ke-Orang (P2P)
 - d. DuitNow RTP (Permintaan-untuk-Bayar) (RTP)– Approve
- 10) Bolehkah saya menukar had transaksi gabungan?
- Tidak. Had transaksi gabungan adalah tetap dan tidak boleh diubah. Hanya had individu bagi setiap modul sahaja yang boleh diubah.
- 11) Apa akan berlaku jika transaksi saya melebihi had transaksi gabungan?
- Jika jumlah transaksi harian bagi modul-modul yang terlibat telah mencapai had transaksi gabungan, transaksi anda yang seterusnya akan ditolak walaupun had individu bagi setiap modul masih belum digunakan sepenuhnya.

8.0 BSNSecure

- 1) Apakah itu BSNSecure?
- BSNSecure ialah ciri keselamatan dalam talian yang dipertingkatkan untuk Perbankan Internet myBSN. Fungsi BSNSecure membolehkan anda mengesahkan transaksi myBSN anda dengan selamat dan lancar.
- 2) Adakah BSNSecure diwajibkan untuk semua orang?
- Ya, BSNSecure adalah wajib bagi semua pengguna untuk memastikan pengalaman perbankan dalam talian yang selamat dan terjamin.

- 3) Bagaimana cara untuk memohon BSNSecure?
 - Anda perlu mendaftar BSNSecure buat kali pertama pada peranti anda atau semasa menukar peranti baharu. Pengaktifan diperlukan dan boleh dilakukan melalui Pusat Perhubungan BSN atau dengan mengunjungi cawangan BSN terdekat.
- 4) Berapa banyak telefon mudah alih yang boleh saya daftar untuk BSNSecure?
 - Anda hanya dibenarkan untuk mendaftar satu peranti pada satu masa.
- 5) Adakah terdapat caj untuk menerima BSNSecure?
 - Tidak, BSN tidak mengenakan sebarang caj untuk BSNSecure.

9.0 Keselamatan

- 1) Apa yang perlu saya lakukan jika saya mengesyaki transaksi haram atau penipuan dalam akaun saya?
 - Keselamatan akaun anda adalah keutamaan kami. Sekiranya anda mengesyaki sebarang transaksi haram atau penipuan, sila hubungi Pusat Perhubungan kami yang beroperasi 24 jam di [+603-2613 1900](tel:+603-26131900). Anda juga boleh mengunjungi cawangan BSN yang berdekatan untuk membuat laporan rasmi.
- 2) Bagaimana saya boleh membatalkan kemudahan Perbankan Internet saya?
 - Sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 24 jam kami di [+603-2613 1900](tel:+603-26131900) dan maklumkan permintaan anda.
- 3) Selepas log keluar, terdapat nota yang menasihati saya untuk 'kosongkan cache'. Bagaimana caranya?
 - Setiap pelayar web mempunyai langkah berbeza untuk mengosongkan cache. Sila klik pada [Tip Keselamatan](#) dan lihat panduan kami untuk mengosongkan cache bagi pelayar IE7, Mozilla Firefox dan Google Chrome.

10.0 Maklumat Tambahan

Untuk maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan-perkhidmatan BSN di bawah:

- 1) Perbankan Internet myBSN:
 - Klik [disini](#) bagi Terma dan Syarat Perbankan internet myBSN
 - Klik [disini](#) bagi Soalan-Soalan Lazim Perbankan Internet myBSN
- 2) Perbankan Mudah Alih myBSN:
 - Klik [disini](#) bagi Terma dan Syarat Aplikasi Mudah Alih myBSN
 - Klik [disini](#) bagi Soalan-Soalan Lazim Aplikasi Mudah Alih myBSN
- 3) BSNSecure:
 - Sila rujuk laman sesawang BSNSecure [disini](#) bagi maklumat lanjut tentang jenis transaksi yang memerlukan pengesahan BSNSecure